



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (MELAKA)

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut di **Universiti Teknologi MARA (MELAKA)**.

1. JAWATAN PENSYARAH UiTM (GRED DM45) / PENSYARAH KANAN (GRED DM51) / PROFESOR MADYA (GRED DM 53) / PROFESOR (GRED VK 7) SECARA TETAP

Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Pendidikan
Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional

2. JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
DM 45 (Pensyarah)	RM 2,878.00	RM 10,075.00
DM 51 (Pensyarah Kanan)	RM 5,637.00	RM 11,285.00
DM 53 (Prof. Madya)	RM 5,922.00	RM 11,955.00
VK 7 (Profesor)	RM 7,189.63	RM 14,587.54

3. FAKULTI / BIDANG

GUGUSAN SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN	
Seni Lukis dan Seni Reka	Komunikasi dan Pengajian Media
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Budaya Visual/Liberal ▪ Grafik & Multimedia ▪ Fotografi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Rekabentuk Animasi, Multimedia, Grafik dan Komunikasi Instruksional ▪ Komunikasi
Akademi Pengajian Bahasa	Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa Inggeris ▪ Bahasa Mandarin 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengajian Islam
GUGUSAN PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN	
Perakaunan	Pengurusan Perniagaan
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Perakaunan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Ekonomi ▪ Pengurusan Perniagaan Antarabangsa
Pengurusan Hotel dan Pelancongan	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pengurusan Pelancongan 	
GUGUSAN SAINS DAN TEKNOLOGI	
Sains Komputer dan Matematik	
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Multimedia 	

4. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

i. Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DM45 (Pensyarah)

- (a) (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina **atau** Diploma Lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia; atau
 - (iii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (b) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

ii. Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DM51 (Pensyarah Kanan)

- (c) (i) memiliki kelayakan seperti di perenggan (a) dan (b) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

iii. Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred DM53 (Profesor Madya)

- (d) (i) memiliki kelayakan seperti di perenggan (a) dan (b) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

iv. Kelayakan Untuk Lantikan Ke Gred VK7 (Profesor)

- (e) (i) memiliki kelayakan seperti di perenggan (a) dan (b) di atas;
- (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
- (iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Calon-calun lantikan terus hendaklah berumur **tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.**
2. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun **MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN** dan hendaklah disertakan dengan **SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN YANG DIKEMASKINI.**
3. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN**:
 - **Kad Pengenalan**
 - **Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf**
 - **Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)**
 - **Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambilkira pengalaman kerja/ penetapan gaji**
 - **Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat)**
4. Nama bidang dan fakulti yang dipohon hendaklah dinyatakan di penjuru atas sebelah kiri sampul surat permohonan.
5. Keutamaan hanya diberi kepada calon-calun yang memiliki **Ijazah Sarjana/Ph.D dengan CGPA 3.00 dan ke atas/ Kelas Kedua Tinggi di peringkat Ijazah Sarjana Muda.**
6. Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari jabatan kerajaan/Badan Berkanun/separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan **tidak akan diproses.**
7. Hanya permohonan yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
8. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- (a) Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA (BORANG PERJAWATAN UITM 76/13(III)Pindaan 8/2007)**. Borang dan syarat-syarat permohonan boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Melaka di <http://melaka.uitm.edu.my> atau boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, UiTM Melaka
- (b) Tarikh tutup permohonan ialah pada hari **Jumaat, 6 MAC 2015.**
- (c) Sila kemukakan permohonan kepada:



TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (MELAKA)
KM 26 JALAN LENDU
78000 ALOR GAJAH
MELAKA
NO.TEL : 06-5582000/06-5582353/
06-5582014/06-5582013)